



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

26 OKTOBER 2018

PERMULAAN MONSUN TIMUR LAUT 2018/2019

Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula pada 27 Oktober 2018 sehingga Mac 2019. Dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat dijangka berlaku.

Pada November dan Disember 2018, episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor. Manakala pada Disember 2018 dan Januari 2019, episod hujan lebat dijangka lebih tertumpu di barat Sarawak serta Sabah.

Hujan lebat berterusan untuk tempoh tiga sehingga lima hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan-kawasan berkedudukan rendah dan kawasan kerap banjir. Sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang, risiko kejadian banjir akan menjadi lebih teruk.

Luruan monsun pertama yang membawa hujan monsun berterusan di negeri Kelantan dan Terengganu dijangka berlaku pada 30 Oktober hingga 1 November 2018.

Sehubungan itu orang ramai dinasihatkan agar lebih berwaspada dan bersiap siaga dalam menghadapi musim tengkujuh ini dan sentiasa peka dengan Amaran Hujan Lebat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman web www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca, facebook: [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), twitter: [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet) dan MMD *Hotline* di talian 1-300-22-1MET (1638).

**Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim
(MESTECC)**



www.met.gov.my



myCuaca



[metmalaysia](https://www.instagram.com/metmalaysia)

Rakan **MET** rakanmet.met.gov.my



mygempa.met.gov.my



[@malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet)



[@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet)



1-300-22-1638